

11/04/1998

Air: Jangan mudah tuding jari

Radzi Wahab; Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak supaya tidak menyalahkan mereka yang terbabit secara langsung dengan urusan bekalan air berikutan krisis yang dihadapi sekarang.

Menurut Perdana Menteri, pihak terbabit, terutama Puncak Niaga Sdn Bhd (Puncak Niaga), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Bekalan Air (JBA) Selangor sedang mencuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah itu.

"Dalam hal ini, semua pihak harus sedar bahawa masalah air yang sedang kita hadapi ini bukan biasa berlaku.

"Dalam perkara ini, masing-masing sedang cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah itu dan sudah pasti timbul di fikiran mereka yang orang lain harus buat itu dan buat ini.

"Tetapi, jika kita menumpukan perhatian kepada perkara lain dan tidak air, ia sudah pasti akan menimbulkan masalah," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, malam ini.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

Mengenai andaian kononnya berlaku diskriminasi dalam pengagihan air kepada penduduk di Lembah Klang yang sedang menghadapi kesulitan mendapatkan bekalannya, Perdana Menteri berkata tekanan air rendah mungkin menyebabkan kebanyakan tempat tidak memperolehi bekalan walaupun pengagihan air dibuat.

Sehubungan itu, beliau yang juga Presiden Umno berkata, kerajaan akan menempah 10 unit rawatan air Ultrasource sebagai usaha menangani krisis bekalan air yang dianggap kritikal, ketika ini.

Menurutnya, unit rawatan air itu dijangka diperolehi dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi dan akan ditempatkan di kawasan yang memerlukan.

"Selain itu, kita juga akan membeli sebuah unit rawatan air yang besar bagi kegunaan ketika kecemasan dan masa tertentu," katanya.

Beliau berkata, MT menganggap krisis air itu sebagai masalah besar walaupun puncanya diketahui disebabkan oleh kemarau panjang dan kekurangan hujan.

"Tetapi, tidak dapat tidak kita semua dapat lihat ada tempat yang ada air dan ada tempat yang tiada air. Oleh itu, kita perlu ambil tindakan bagi mengatasi masalah ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, MT juga memutuskan mereka yang melakukan pembakaran terbuka dikenakan hukuman penjara lima tahun dengan segala perbelanjaan memadam kebakaran ditanggung sepenuhnya oleh pihak yang bertanggungjawab.

Menurutnya, kerajaan memandang serius perbuatan pembakaran terbuka itu dan menganggapnya sebagai perbuatan jenayah.

Dr Mahathir berkata, MT turut berbincang mengenai pentingnya semua pihak tidak keterlaluan dalam pertentangan di antara kaum India dan Melayu mengenai kes pembesaran kuil bersebelahan masjid di Kampung Rawa, Pulau Pinang.

"Adalah penting jika kita tidak keterlaluan dalam perkara ini. Jika ada masalah harus diselesaikan melalui rundingan, kita harus mengambil tindakan awal sebelum isu itu menjadi besar.

"Kejadian di Kampung Rawa sudah selesai, tinggal lagi kita kena berhati-hati kerana kadang-kala ada pihak tidak bertanggungjawab yang cuba api-

apikan," katanya.

Kepada soalan mengenai pendatang asing, Dr Mahathir berkata pendirian Malaysia untuk menghantar pulang semua pendatang tanpa izin tetap tidak berubah.

"Pendirian kita terhadap penghantaran pulang semua pendatang tanpa izin masih sama," katanya.

Mengenai laporan dari Jakarta yang menyebut Malaysia tidak melayani pendatang tanpa izin dari negara itu dengan baik, Dr Mahathir berkata: "Itu satu soal pendapat.

"Kita sudah melakukan apa yang terbaik, dan jika mereka merusuh, polis terpaksa bertindak."

Sementara itu, Anwar berkata Jawatankuasa Teknikal parti masih menyiasat dakwaan wang RM1 juta milik Umno bahagian Selayang yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi ketuanya, Datuk Saidin Thamby.

(END)